

Headline	Lampu LED terangi kehidupan penduduk		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	20
ArticleSize	828 cm ²	Journalist	Mohamed Farid
PR Value	RM 85,299		



Abdul Jalil Mohd Din,
Penduduk Kampung Parit Jawa

Kini lampu jalan boleh dikatakan terdapat di setiap lorong atau kawasan berdekatan dengan rumah penduduk. Inisiatif kerajaan dan TNB ini sangat bagus dan memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan”



Soh Kan,
Penduduk Kampung Bukit Mor

Tapi kini ia berubah 100 peratus serta penduduk lebih senang sekarang dan kami bersyukur kerana kerajaan, KKLW dan TNB prihatin dengan keadaan ini”

Lampu LED terangi kehidupan penduduk

➔ Kemudahan dilaksana kerajaan menerusi TNB bantu ceriakan suasana kampung

Oleh **Mohamed Farid Noh dan Badrul Kamal Zakaria**
bhjb@bh.com.my

► Muar

Kemudahan lampu jalan kampung yang dilaksanakan kerajaan menerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) bukan sahaja membantu penduduk melakukan pelbagai aktiviti waktu malam, malah menceriakan suasana kampung.

Penduduk Kampung Parit Jawa, Abdul Jalil Mohd Din, 53, berkata pencahayaan di kampung itu 100 peratus berbeza apabila semakin banyak lampu jalan kampung dipasang berbanding 10 tahun lalu.

Menurutnya, 10 tahun lalu kebanyakan lampu jalan hanya disediakan di pekan atau simpang, tetapi kini kemudahan berkenaan disediakan di mana-mana sahaja hingga memudahkan penduduk kampung melakukan pelbagai urusan pada waktu malam.

“Memang jauh beza antara dahulu dengan sekarang kerana keadaan di sini agak gelap dan hanya sesetengah tempat sahaja yang mempunyai lampu jalan kampung.

“Kini lampu jalan boleh dikatakan terdapat di setiap lorong atau kawasan berdekatan dengan rumah penduduk. Inisiatif kerajaan dan TNB ini sangat bagus dan

memberi manfaat kepada masyarakat secara keseluruhan.

Terus beri keselesaan

“Dengan adanya lampu jalan kampung yang lebih banyak, ia akan memudahkan penduduk seperti golongan warga tua untuk berulangkali ke masjid, anak-anak boleh pergi belajar seperti tuisyen atau mengaji al-Quran dengan lebih selesa, selain memberi kemudahan kepada nelayan.

“Alhamdulillah dengan adanya kemudahan infrastruktur ini diharapkan terus memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada semua rakyat khususnya berhampiran Kuala Parit Jawa, tetapi jumlahnya tidak banyak.

Bagi penduduk Kampung Bukit Mor, Soh Kan, 79, keadaan di kampung itu berubah 100 peratus apa-



Najib melakukan gimik perasmian sambil diperhatikan Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin (dua dari kiri); Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri (dua dari kanan) dan Ahli Parlimen Muar, Datuk Seri Razali Ibrahim (kiri) ketika Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan Majlis Penyerahan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Fasa 8 Negeri Johor di Padang Awam Bukit Mor, 9 Februari lalu.

pin Bersama Rakyat dan Majlis Penyerahan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Fasa 8 Negeri Johor di Padang Awam Bukit Mor, 9 Februari lalu.

Majlis berkenaan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Abdul Jalil berkata, kira-kira 30 tahun lalu sebelum adanya kemudahan lampu jalan kampung, beberapa penduduk termasuk nelayan mengambil inisiatif memasang pelita gantung untuk menerangi laluan khususnya berhampiran Kuala Parit Jawa, tetapi jumlahnya tidak banyak.

Bagi penduduk Kampung Bukit Mor, Soh Kan, 79, keadaan di kampung itu berubah 100 peratus apa-

bila pelbagai kemudahan termasuk lampu jalan disediakan kerajaan.

“Dahulu masa saya masih muda, tidak banyak kemudahan yang ada. Jalan raya pun tanah merah apa lagi dengan lampu jalan dan keadaan agak daif. Kalau malam, penduduk kampung kebanyakannya menggunakan lampu gasolin atau pelita minyak tanah sahaja untuk menerangkan kawasan.

“Dahulu, di sini juga tiada bekalan elektrik dan air namun kemudahan itu mula ada sekitar 1961. Ketika itu, lampu jalan juga tidak banyak hingga menyebabkan keadaan persekitaran agak gelap.

“Tapi kini ia berubah 100 peratus serta penduduk lebih senang sekarang dan kami bersyukur kerana

kerajaan, KKLW dan TNB prihatin dengan keadaan ini,” katanya.

Ubah suasana kampung

Sementara itu, pada program berkenaan, Perdana Menteri turut mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan TNB kerana Program Lampu Jalan Kampung dan pembangunan kawasan luar bandar termasuk FELDA amat dekat dengan hatinya.

“Pada majlis ini saya nak beritahu kerana saya lihat lampu jalan ini kalau kita buat memang suasana kampung berubah. Ia jadi lebih ceria, tambah lagi kalau ada lampu LED. Jadi hari ini saya nak maklumkan bahawa kita bersetuju menambah peruntukan untuk lampu kampung seluruh negara melalui dua langkah.

“Pertama dengan TNB yang akan peruntukan RM50 juta untuk pemasangan lampu jalan kampung jenis LED dan kerajaan meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta lagi.

“Ia membabitkan pemasangan 50,000 lampu jalan kampung yang akan memberi manfaat kepada 2.5 juta penduduk kampung di seluruh negara,” katanya.

Hampir 60,000 penduduk dari 16 kampung di daerah ini boleh bergerak dengan lebih selesa dan selamat apabila kawasan yang dahulunya gelap kini diterangi kemudahan lampu jalan kampung.



Sebanyak 50,000 lampu jalan kampung tambahan akan dipasang untuk manfaat 2.5 juta penduduk.